



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR**

**SEMPENA PROGRAM**

**PERAK SEJAHTERA 2030:  
*STATE LEADERSHIP SUMMIT 2022***

**RABU, 24 OGOS 2022**

**HOTEL CASUARINA@MERU, IPOH**

Assalamualaikum Wbr dan Salam Perak Sejahtera 2030

**[SALUTASI]**

1. Segala puji bagi Allah SWT, pemilik semesta alam yang melimpahkan nikmat kesihatan serta mengurniakan kesempatan ruang dan waktu kepada kita semua untuk hadir pada petang ini sempena majlis perasmian penutup **Perak Sejahtera 2030: State Leadership Summit 2022**.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dengan ucapan syabas dan tahniah kepada Institut Darul Ridzuan (IDR), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta semua pihak yang telah sama-sama berganding bahu merancang, menyusun dan menjayakan persidangan ini yang berlangsung selama dua hari sejak semalam.
3. Saya difahamkan, persidangan ini mendapat sambutan yang sangat baik dengan penglibatan lebih 300 peserta terdiri daripada ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan termasuk pegawai daerah, pihak berkuasa tempatan (PBT) selain penyertaan daripada wakil-wakil pemain industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

4. Sudah tentu, persidangan ini amat signifikan kepada kita semua sebagai pembuat keputusan di pelbagai peringkat untuk sama-sama mencari kearifan dan memanfaatkan sepenuhnya perkongsian ilmu dan input daripada pembentang-pembentang kertas kerja dalam dan luar negara bagi memperkasa kaedah pelaksanaan pelbagai agenda yang dipetakan dalam Perak Sejahtera 2030.
  
5. Suka saya ingatkan sekali lagi bahawa pelan pembangunan strategik yang merangkumi **EMPAT** dokumen ini adalah bersifat dinamik. Ia menjadi dokumen hidup yang sentiasa berkembang dan membuka ruang penambahbaikan melalui perkongsian idea dan buah fikiran daripada pelbagai pihak.
  
6. Maka persidangan ini perlu menjadi platform untuk kita semua berkongsi pengetahuan serta pengalaman serta mencari pendekatan pembuatan keputusan yang inovatif dan kreatif dalam isu-isu melibatkan pengurusan, pemantauan dan pelaksanaan setiap agenda yang terkandung dalam Perak Sejahtera 2030.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

7. Laporan terbaru Bank Negara Malaysia menunjukkan ekonomi negara mencatatkan **pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 8.9 peratus** pada suku kedua 2022 berbanding sekadar 5.0 peratus yang dicatatkan dalam suku pertama sekaligus mencerminkan fasa pemulihan pandemik COVID-19 berjalan dengan baik.
  
8. Walaupun belum ada data rasmi mengenai pertumbuhan ekonomi Perak bagi tempoh yang sama bagi tahun ini, namun statistik terkini Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan, negeri kita merekodkan prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 3.5 peratus pada tahun 2021, iaitu lebih baik berbanding peringkat nasional.
  
9. Pun begitu, saya ingin menarik perhatian kita semua terhadap pelbagai rumusan dan data-data terkini berhubung suasana ekonomi dunia yang semakin menunjukkan tanda-tanda kesuraman sejak beberapa bulan lalu sehingga mendedahkan dunia kepada kemungkinan satu lagi episod **kemelesetan ekonomi** menjelang tahun hadapan.

10. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membayangkan kenaikan harga komoditi akibat peperangan Russia – Ukraine akan terus memberi impak kepada ratusan juta penduduk dunia. Kejutan harga komoditi akibat perang di Ukraine telah memburukkan lagi krisis sekuriti makanan manakala peningkatan harga bahan api serta kadar inflasi yang terus melonjak hanya akan menyebabkan situasi ekonomi menjadi lebih buruk.
11. Sehubungan itu, pihak IMF telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2023 dari **3.8 peratus** semasa tinjauannya pada Januari 2022 kepada hanya **2.9 peratus** pada Julai 2022. Perkembangan ini sekaligus menggambarkan ekonomi dunia sedang dalam keadaan bergelora di sebalik tumpuan banyak negara termasuk Malaysia sedang bertungkus-lumus melakukan proses pemulihan pasca-pandemik.
12. Tidak cukup dengan itu, agensi penarafan antarabangsa, *Moody's* mengunjurkan ekonomi dunia yang lebih lemah dengan **inflasi dan kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan fiskal kerajaan dan sumber hasil.**

Program Makanan Sedunia (WFP) pula memberi amaran bahawa bekalan makanan boleh menjadi lebih sukar diperolehi pada tahun depan berikutan pelbagai krisis seluruh dunia yang berlaku serentak. Rata-rata penganalisis juga memberi amaran mengenai peningkatan angka pengangguran dan lonjakan berterusan kos sara hidup rakyat, terutama golongan rentan.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

13. Saya utarakan fakta-fakta ini untuk kita memahami bahawa bulan-bulan mendatang ini sarat dengan cabaran. Kalau saudara dan saudari masih ingat, dalam ucapan *Executive Talk* 2022 dan ketika melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030, saya menekankan pentingnya kita sebagai pembuat dasar dan pembuat keputusan kerajaan, mengambil perhatian terhadap segala kemungkinan dan ketidakpastian yang sedang membelit ekonomi – bukan sahaja di peringkat global, tetapi juga dalam negara.
  
14. Walaupun fasa endemik menyaksikan proses pemulihan ekonomi negara dan negeri menunjukkan tanda-tanda positif, namun semua perkembangan baru ini perlu kita cermati.

Semua ketidakpastian ini mesti kita urus dan tangani kerana ia akan memberi kesan secara langsung kepada cara kita membuat keputusan dan mengurus negeri. Dan, jika kita telitikan intipati pelan Perak Sejahtera 2030 khususnya penetapan **ENAM** agenda utama, ia sebenarnya menggariskan hala tuju jelas mengenai persiapan kita bagi menghadapi cabaran serta ketidakpastian yang berlaku.

15. Misalnya, agenda pertama iaitu **memperkuhkan sekuriti makanan** adalah komitmen Perak bagi mendepani risiko krisis makanan dengan menggembeng kekuatan jabatan, agensi dan GLC berkaitan pertanian dan perternakan untuk menjadikan Perak sebagai antara hab pengeluaran produk makanan utama negara.
16. Begitu juga dengan agenda **Perlombongan Lestari** yang mencerminkan kesungguhan Perak mempelopori sumber-sumber kekayaan ekonomi baru secara mampan dan bertanggungjawab sekaligus menjadi pemangkin kepada usaha mengukuhkan kedudukan fiskal kerajaan bagi mengharungi ketidakpastian ekonomi pada tahun-tahun mendatang.

17. Agenda **Koridor TVET Negara** pula adalah komitmen kita untuk memantapkan pembangunan modal insan bagi mempersiapkan anak-anak Perak dengan ilmu serta kemahiran yang selari dengan keperluan pasaran kerja yang semakin kompetitif. COVID-19 mengajar kita menerobos potensi terhadap kewujudan pekerjaan-pekerjaan baru yang menjurus kepada aspek kemahiran dan teknologi digital.
18. **Memacu Ekonomi Digital** pula adalah agenda yang menggariskan komitmen kerajaan negeri untuk memantapkan proses digitalisasi yang akan menjadi antara enjin ekonomi masa hadapan. Ia disokong oleh agenda **Pembuatan Keputusan Berpacuan Data** yang membolehkan proses membuat keputusan dan sistem penyampaian kerajaan sentiasa dapat diperkukuhkan supaya lebih cepat, tepat serta sentiasa tangkas dan bersedia berdepan krisis pada masa hadapan.
19. Dan agenda **Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri** adalah cerminan kepada kesungguhan kita untuk menerapkan prinsip integriti dan ketelusan dalam pelaksanaan projek berkepentingan negeri.



Dengan itu, kita bukan sahaja dapat memantau supaya setiap projek dilaksanakan secara lebih telus dan bertanggungjawab, malah dapat memberi keyakinan kepada para pelabur untuk terus menanam modal di negeri kita.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

20. Hakikatnya, keenam-enam agenda ini menggambarkan betapa pelan Perak Sejahtera 2030 yang kita sama-sama rangka dan bina ini telah memeta satu naratif jelas mengenai kesungguhan dan komitmen kita untuk mengharungi cabaran-cabaran yang saya sebutkan awal tadi. Ia naratif yang mencerminkan keinginan dan keberanian kita untuk meneroka peluang-peluang baru di sebalik segala macam kemungkinan dan ketidakpastian.
  
21. Pelan ini adalah naratif kesediaan kita untuk memenuhi pengharapan dan cita-cita kita semua sebagai rakyat Perak untuk membina sebuah negeri yang terus mengecapi kemakmuran manakala rakyatnya hidup sentosa dengan nikmat kesejahteraan.

22. Fasa demi fasa bagi merangka dan membina pelan ini sudah kita lakukan. Perkara yang perlu sama-sama kita ikhtiarkan seterusnya ialah – untuk menjayakannya. Dokumen setebal **1,621** muka surat yang menyenaraikan **TIGA** sasaran, **ENAM** agenda utama, **18 program flagship** dan **penjenamaan setiap daerah**, mesti sama-sama kita terjemahkan menjadi realiti.
23. Untuk itu, saya mengesyorkan kepada IDR dan UPEN supaya setiap program, inisiatif dan projek yang telah dikenalpasti mengikut keutamaan dapat dipantau pelaksanaannya. Ini penting bagi membolehkan penilaian pencapaian dapat dilakukan seterusnya dapat membantu saya dan rakan-rakan dalam kerajaan untuk melakukan penambahbaikan dan pembinaan semula dasar negeri mengikut keperluan.
24. Saya juga mengajak setiap daripada kita untuk bersama-sama memberi kefahaman kepada rakyat tentang setiap agenda dan matlamat yang digariskan dalam pelan ini.

Bagi saya, perkara ini perlu diberi perhatian supaya setiap lapisan rakyat yang juga pemegang taruh utama, dapat merasai mereka adalah sebahagian daripada pelan ini dan mahu tampil mengambil bahagian untuk sama-sama menjayakannya.

25. Kejayaan Perak Sejahtera 2030 ini banyak bergantung kepada persekitaran dan ekosistem pentadbiran yang kondusif bagi memungkinkan ia berkembang dan berevolusi – setidaknya sehingga tahun 2030 – iaitu garis masa yang kita tetapkan untuk menjayakan setiap hasrat murni yang ada di dalamnya.
26. Kestabilan politik dan kerukunan dalam berkerajaan akan menentukan setiap perancangan yang disusun dapat direalisasikan sebaik mungkin. Sehubungan itu, saya menyeru agar setiap daripada kita mengeneipkan segala perbezaan dan membina nilai-nilai kebersamaan untuk menjayakan setiap misi, agenda dan sasaran yang telah kita garap dalam pelan ini.

27. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan kepada pasukan IDR dan UPEN serta semua pihak yang berkolaborasi menganjur dan menjayakan persidangan ini.
  
28. Penghargaan juga kepada para pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negeri Perak yang sudi meluangkan masa berkongsi idea dan buah fikiran sepanjang persidangan ini. Tidak lupa penghargaan kepada para ilmuan dan pakar-pakar yang tampil melontarkan pandangan dan teguran yang tentunya membantu kerajaan negeri untuk memurnikan lagi pelan Perak Sejahtera 2030.
  
29. Terima kasih juga diucapkan kepada semua peserta termasuk ketua-ketua jabatan dan agensi, pegawai daerah, pihak GLC negeri serta pihak PBT yang meluangkan masa menyertai persidangan dua hari ini. Mudah-mudahan, segala input yang diperolehi hasil pembentangan dan perbincangan melalui persidangan ini akan membuahkkan idea-idea bernas, mengukuh keazaman dan komitmen kita untuk sama-sama menjayakan pelan ini.

30. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrohmanirrahim, sukacitanya merasmikan majlis penutup Perak Sejahtera 2030: *State Leadership Summit 2022*.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.